

Buletin

Perpustakaan Pusat Perubatan UKM

<http://lib.hukm.ukm.my>



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA
National University of Malaysia

Selamat Datang Pelajar Baru Sesi 2009/2010

Isu ke-4 - Disember 2008 ISSN 1985-6873


Knowledge Portal Perpustakaan PPUKM

oleh Azlan Mohamad Hamzah


Perpustakaan PPUKM telah menyediakan perkhidmatan portal yang dinamakan *Knowledge Portal* bermula November 2008. Ia memberikan kemudahan kepada pelanggan dalam pencarian koleksi digital antaranya artikel jurnal perubatan yang ditulis oleh Pensyarah Fakulti Perubatan. Ia juga sebagai penambahbaikan kepada perkhidmatan dalam Portal yang sedia ada.

Antara matlamat dan fungsi *Knowledge Portal* adalah:

- Berperanan sebagai repositori institusi bagi penerbitan yang diterbitkan oleh Pensyarah dan ahli akademik Fakulti Perubatan dalam bentuk elektronik antaranya artikel jurnal.
- Menyediakan pencarian kepada koleksi digital Perpustakaan PPUKM secara dalam talian.
- Membolehkan Perpustakaan membangunkan metada dan taksonomi dalam bidang perubatan.
- Membangunkan koleksi perubatan dalam pelbagai bentuk iaitu teks, imej, audio, dan video.
- Memudahkan pengurusan seperti muat turun dan pengindeksan dokumen dengan cepat.



Muka Hadapan Knowledge Portal dengan Kemudahan Document dan Topic Searcher



Knowledge Portal menyediakan Artikel Jurnal bersama Abstrak dan teks penuh

Pelanggan boleh mengakses Knowledge Portal dengan login kepada Portal Perpustakaan PPUKM (<http://lib.hukm.ukm.my>) dan seterusnya klik pada pautan *Knowledge Portal*. Sebanyak 22 bidang perkara dalam bidang perubatan telah dibangunkan dan disediakan bagi memudahkan pelanggan mengakses sumber maklumat berteks penuh. Bidang perkara tersebut meliputi anatomi, biokimia, perubatan keluarga, radiologi, kejururawatan, dan sebagainya.

Perpustakaan berharap agar pelaksanaan *Knowledge Portal* ini dapat membantu Perpustakaan berperanan sebagai repositori institusi dalam bidang perubatan yang dapat menyokong UKM sebagai Universiti Penyelidikan. Pihak Perpustakaan juga mengalu-alukan cadangan nama kepada Knowledge Portal. Sebarang cadangan sila email kepada lanznh@mail.hukm.ukm.my.

Lagi di dalam ...

Berita Kakitangan > Pangkalan Data Baru | SAGE Journal Online | > Terbaru di Perpustakaan PPUKM > Aktiviti Perpustakaan PPUKM > Buku Baru > Bengkel/Seminar/Lawatan > Berita Perpustakaan PPUKM >

Sidang Ridaksi

Penasihat
Maimunah Kadir

Sidang Pengarang
Wan Suhaimi Ariffin
Azman Idris
Azlan Mohamad Hamzah
Noraini Mat Ali
Nona Zurena Masenwat
Roslinda Abd. Rauf
Jamaludin Abdul Samad
Said Nor Mohd Dayan

Grafik/Layout
Arzian Azwani Aris

Jurufoto
Siti Salmah Md Yusof
Mohd Zaki Omar

Waktu Pembukaan / Penutupan
Perpustakaan

Isnin-Jumaat 8.00 pagi - 10.00 malam
Sabtu 9.00 pagi - 2.00 petang

Waktu Pembukaan / Penutupan
Perpustakaan Semasa Minggu
Peperiksaan

Isnin-Jumaat 8.00 pagi - 11.00 malam
Sabtu 9.00 pagi - 4.00 petang

* Tutup pada hari Sabtu minggu pertama, Ahad
dan hari kelepasan am.

Hubungi kami di:

Perpustakaan Pusat Perubatan UKM
Tingkat 3, Kompleks Pendidikan Perubatan
Canselor Tuanku Ja'afar,
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak,
56000 Cheras, Kuala Lumpur.
Tel: +603-91455330
<http://lib.hukm.ukm.my>

Kelahiran Anak

Tahniah !!!

1. Puan Surimah Zakaria Affi telah selamat melahirkan anak yang kedua, Muhammad Aufa Khalish bin Muhammad Ezwan pada 11 Julai 2008.

2. Puan Diyana Hamdi selamat melahirkan anak ketiga beliau, Annur Syifa' bt Shahrizal pada 5 September 2008 yang lalu.

3. Encik Jufri Mat Saan telah bergelar bapa dengan kelahiran Muhammad Ariff Danial pada 28 November 2008.

Semoga kehadiran cahayamata akan menambahkan lagi keceriaan dalam keluarga mereka.

Kenaikan Pangkat dan Kakitangan Baru Tahniah !!!



1. Encik Azman Idris dinaikkan pangkat dari Pustakawan S41 ke Pustakawan Kanan S44. Beliau kini ditempatkan di Bahagian Perkhidmatan Maklumat dan Perkhidmatan Pelanggan.

2. Encik Said Nor Mohd Dayan telah dinaikkan pangkat dari Pembantu Perpustakaan S17 ke jawatan Pembantu Perpustakaan Kanan S22. Beliau kini ditempatkan di Bahagian Pembangunan Sumber (Jurnal dan Jilidan).



3. Pustakawan baru, Cik Nona Zurena Masenwat ditempatkan di Bahagian Pembangunan Sumber (Jurnal dan Jilidan) bermula Ogos 2008

4. Encik Muhammad Wafi Aziz, Pembantu Perpustakaan dari PTSL, telah menggantikan Encik Muhamad Farid Zainal Azman, Pembantu Perpustakaan Bahagian Pembangunan Sumber (Jurnal dan Jilidan).



5. Encik Mohd Zaki Omar telah diserapkan ke jawatan tetap Pembantu Perpustakaan S17.

6. Bahagian Perkhidmatan Maklumat dan Perkhidmatan Pelanggan telah menerima dua orang kakitangan sambilan baru iaitu Encik Muhamad Hazrizal Husin dan Encik Mohd Lathif Mohd Noor.



Muhamad
Hazrizal
Husin



Mohd Lathif
Mohd Noor

Takziah

Warga Perpustakaan PPUKM mengucapkan takziah kepada Puan Zaleha Hussin dan keluarga di atas kembalinya ke rahmatullah bapa beliau pada 25 Oktober 2008. Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan di kalangan orang-orang yang soleh dan solehah. Al-Fatihah.

SAGE Journals Online

Perpustakaan PPUKM telah melanggan Pangkalan Data terbaru iaitu SAGE Journals Online (<http://online.sagepub.com>) bermula Disember 2008.

SAGE Journals Online menawarkan lebih 300 judul jurnal dalam bidang perubatan, sains kesihatan dan Perubatan Klinikal. Ia menyediakan kemudahan dalam pencarian judul jurnal teks penuh, isu kebelakangan (Backfiles) yang berkaitan dan untuk mengakses peer reviewed articles yang spesifik dalam bidang perubatan dan sains kesihatan. Antara kemudahan yang lain ialah *Quick Search, Advanced Search, Browse (journals by titles & Articles by Discipline), dan my favourites journals.*




Untuk mengakses pangkalan data ini, sila ke Portal Perpustakaan PPUKM (<http://lib.hukm.ukm.my>) dan sila klik pautan SAGE Journals Online. Antara Judul Jurnal dalam Pangkalan Data SAGE Journal Online adalah :

- American Journal of Alzheimer's Disease and Other Dementias
- American Journal of Evaluation
- American Journal of Hospice and Palliative Medicine
- American Journal of Lifestyle Medicine
- American Journal of Medical Quality
- Behavior Modification
- Behavioral and Cognitive Neuroscience Reviews
- Biological Research For Nursing
- Body & Society
- The British Journal of Diabetes & Vascular Disease
- British Journal of Visual Impairment
- dan lain-lain. Selamat mencuba!!!

Terbaru di Perpustakaan PPUKM

Penggunaan Katalaluan Pinjaman Layan diri



Mulai September 2008, semua pelanggan yang menggunakan mesin pinjaman layan diri dikehendaki memasukkan katalaluan terlebih dahulu sebelum sebarang transaksi dibenarkan. Oleh itu pelanggan diminta menukar katalaluan mereka yang berbentuk alphanumeric kepada numerik di kaunter Perpustakaan PPUKM. Hubungi 5330 untuk keterangan lanjut.



Ruang Bacaan 24 Jam bercermin gelap.



Lokar baru untuk sewaan bulanan dan harian disediakan di Ruang Bacaan 24 Jam



Kemudahan **water dispenser** untuk pelajar di Ruang Bacaan 24 Jam

Sekitar Sanggar Kerja Perpustakaan PPUKM pada 27-29 Jun 2008 di Kota Bharu, Kelantan



Lawatan dari Prof. Dr. Endang Suteja dari **Fakulti Kesihatan UNPAD Sumatera** dan rombongan pada 22 Ogos 2008



Sekitar **e-j Info Race** Perpustakaan PPUKM pada 29 Julai 2008



Perasmian Pameran Buku Akademik Peringkat PPUKM sempena Kempen Membaca UKM pada 18-20 Ogos 2008 di Lobi Pusat Perubatan UKM



Perlawanan Sukan Bola Sepak di antara kakitangan bujang dan yang berkeluarga pada 26 November 2008 di Stadium MPK Seksyen 15, Bangi



- Kumpulan **KIK Maya** telah mara ke Peringkat Pengurusan UKM pada 11 September 2008 dan seterusnya ke Konvensyen KIK pada 16 Oktober 2008 di Auditorium PPUKM dengan projek bertajuk 'Sistem Pengesanan Buku di Rak Koleksi Am yang Kurang Berkesan'



Hari Mesra Pelanggan PPPUKM pada 19 Ogos 2008



Anugerah Penghargaan Perkhidmatan Kakitangan Perpustakaan UKM 2008 pada 18 Disember 2008
Tahniah!!!



Kumpulan Maya - Anugerah Kualiti Perpustakaan



Encik Jamaludin Abdul Samad - Anugerah Kakitangan Cemerlang



Puan Diyana Hamdi - Anugerah Khidmat Masyarakat




Encik Azlan Mohamad Hamzah - Anugerah Penjana Kewangan

Kaunter Perpustakaan PPUKM telah memenangi **Anugerah Perkhidmatan Kaunter** Kategori Pentadbiran di Majlis Anugerah Sarjana Bestari Ke-3 pada 5 Disember 2008. Tahniah!!!



Majlis Anugerah Kualiti ke-16

Tahniah kepada Encik Jufri Mat Saan yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada 31 Oktober 2008 di Dewan Canselor Tun Abdul Razak, UKM. Semoga dengan anugerah yang diterima menjadi peransang untuk memberi perkhidmatan yang lebih berkualiti dan cermerlang.



Lawatan dari **Pelajar Kejururawatan The Hong Kong Polytechnic University** pada 28 Julai 2008




Audit dalaman oleh Puan Rosnah Suliman dari PTSL sambil diperhatikan oleh Puan Maimunah Kadir dan Puan Roslinda Abd Rauf pada 5 November 2008



Hari Keluarga PTSL di FRIM Kepong pada 29 November 2008



Jamuan Hari Raya Perpustakaan PPUKM pada 21 Oktober 2008 di Bilik Mesyuarat PPPUKM.



Advanced Practice Nursing: Essential Knowledge for the Profession


edited by: Anne M. Barker

Publisher: Jones and Bartlett Publishers

ISBN: 978-0763748999

Call Number: WY16.A2437 2009 9HUKM

The ultimate resource for all advanced practice nurses, this book was conceived by a need to present graduate core curriculum content based on the American Association of Colleges of Nurse's *The Essentials of Master' Education for Advanced Practice Nursing* in a comprehensive, introductory format. This timely text provides nurses in advanced practice roles with the required core knowledge they need to build upon as they proceed into their unique specialty.



Diagnosis and Treatment of Mental Disorders Across the Lifespan


by Stephanie M. Woo, Carolyn Keatinge

Publisher: John Wiley & Sons

ISBN: 978-0471689287

Call Number: WM141.W873d 2008 9HUKM

Designed to serve as a trusted desktop reference on issues of lifespan and cultural diversity for all mental health professionals, *Diagnosis and Treatment of Mental Disorders Across the Lifespan* expertly covers etiology, clinical presentation, intake and interviewing, diagnosis, and treatment of a wide range of DSM-IV-TR disorders that occur in people of all ages. This is an indispensable resource for all mental health professionals.



Hot Water Therapy (How to save your Back, Neck & Shoulders in 10 Minutes a Day of Exercise in Your shower, Bath or Hot Tub)


by Patrick Horay & David Harp

Publisher: Orient Paperbacks

ISBN: 978-8122201789

Call Number: WB520.H811h 1991 9HUKM

This book will introduce you to simple, effective techniques you can use while relaxing in your shower, bath, or hot tub to relieve pain and strengthen aching muscles. And they take only a few minutes to do! You will learn that you can save your "bad back" by using a combination of gentle massage, exercise and stretching. When you blend these routines with the soothing, healing qualities of hot water, you'll enjoy the age-old benefits of spa treatment - right in your own bathroom!



Epidemiology for Public Health Practice

by Robert H. Friis, Thomas A. Sellers

Publisher:

ISBN: 978-0763751616

Call Number: WA105.F912e 2009 9HUKM

From authors Friis and Sellers comes the Fourth Edition of this best-selling introduction to epidemiology: *Epidemiology for Public Health Practice*. In clear and accessible language, this comprehensive text will introduce your students to the most important and timely issues in epidemiology today.

Frankfurt Book Fair 2008



PPM telah menganjurkan Pakej ke Frankfurt Book Fair dari 14-20 Oktober 2008. Seramai 21 orang peserta telah mengikuti pakej tersebut. Peserta terdiri dari Pustakawan, Pensyarah, dan Pembekal Buku. Puan Maimunah Kadir dan Encik Wan Suhaimi Ariffin mewakili Perpustakaan PPUKM. Pakej ini merupakan pakej yang pertama kali dianjurkan oleh PPM dan telah mendapat sambutan yang baik dari ahli. Frankfurt Book Fair adalah pesta buku terbesar di dunia untuk perdagangan buku, multimedia dan penerbitan elektronik dengan lebih 7,000 ruang pameran merangkumi 100 negara peserta. Frankfurt Book Fair 2008 merupakan Pesta Buku ke-60 dan negara Turki sebagai negara tetamu. Antara perkara yang menarik yang pada Frankfurt Book Fair 2008 di mana buku karya kartunis terkenal tanah air; Dato' Lat iaitu Kampung Boy telah diterjemahkan ke Bahasa German dan dilancarkan.



Lawatan ke **Suan Dusit University Library**



Puan Maimunah Kadir menghadiri **Bangkok Online Conference** di Suan Dusit University pada 10-12 November 2008

VTLS User Seminar telah diadakan pada 6-7 Ogos 2008 bertempat di Boulevard Hotel, Mid Valley, Kuala Lumpur dihadiri oleh Encik Azlan Mohamad Hamzah dan Enzik Azman Idris.



Cik Noraini Mat Ali dan Cik Nona Zurena Masenwat telah menghadiri



Workshop on Leadership for Library & Information Professional yang bertemakan "Envisioning, Encouraging, Empowering, Enabling" pada 15-17 Disember 2008 bertempat di Perdana Leadership Foundation, Putrajaya.



Bengkel Knowledge Portal (MOM) telah diadakan pada 26 Ogos 2008 yang bertujuan memberi pendedahan penggunaan sistem MOM kepada pegawai Perpustakaan PPUKM dan kakitangan Bahagian Pengindeksan.

AKTIVITI PUSTAKAWAN SERANTA KOLEJ TUN DR ISMAIL (KTDI)

Oleh: Azman Idris dan Azlan Mohamad Hamzah

Ketua Pustakawan, Perpustakaan UKM telah melantik Enzik Azman Idris dan Encik Azlan Mohamad Hamzah sebagai Pustakawan Seranta di KTDI mewakili Perpustakaan PPUKM. Peranan Pustakawan Seranta Kolej adalah sebagai penghubung di antara Perpustakaan dengan semua kolej.

Di antara aktiviti yang dijalankan adalah :

1. Lawatan ke Pusat Sumber KTDI pada 23 Jun 2008.
2. Mengadakan Pertemuan dengan Pengerusi, Biro Keusahawanan, JAKSA Kolej dan Puan Hamidah Abd. Hamid, Pengurus Kolej KTDI.
3. Mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan Prof. Madya Dr. Zulkifli Md. Zainuddin, Pengetua Kolej KTDI.
4. Mengadakan Bengkel Endnote setiap isnin minggu pertama dan ketiga setiap bulan.
5. Pertandingan e-j Inforace pada 29 Julai 2008.

Aktiviti yang dirancang pada tahun 2009 adalah :

1. Gotong Royong kemaskan Pusat Sumber Kolej
2. Projek Menaiktaraf Pusat Sumber.
3. Bengkel Endnote dan Pencarian Maklumat (KKM) setiap bulan pada hari isnin minggu pertama dan ketiga.
4. Pertandingan e-j Inforace
5. Projek Pengumpulan Buku-buku persendirian pelajar tahun akhir untuk ditempatkan di Pusat Sumber.
6. Penyediaan brosur, buku Panduan, poster perpustakaan di Pusat Sumber.

Sehingga kini, Perpustakaan telah menerima maklumbalas dan kerjasama yang amat baik dari pihak Pengurusan dan JAKSA KTDI dalam pembangunan Pusat Sumber dan dalam menyokong konsep Perpustakaan Digital Kolej. Diharapkan pada tahun 2009, semua aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dan mendapat sokongan semua pihak.

e-Penerbitan



Muka hadapan sistem e-penerbitan



Bahan yang telah disahkan



Fail bahan-bahan penerbitan

Pihak UKM telah mewujudkan sistem e-penerbitan yang berfungsi sebagai repositori maklumat karya akademik. Melalui sistem ini kakitangan akademik perlu memasukkan maklumat karya dan penerbitan mereka. Perpustakaan PPUKM menjadi pentadbir sistem serta bertanggungjawab ke atas bahan yang diterima di Fakulti Perubatan. Salinan keras setiap bahan penerbitan pensyarah akan disimpan di dalam fail yang telah disediakan mengikut nama pengarang dan ditempatkan di Koleksi Arkib, Perpustakaan PPUKM.